



SIARAN AKHBAR

MAJLIS PELANCARAN HARI HUTAN ANTARABANGSA 2021

Ahad, 07 Sya'ban 1442H / 21 Mac 2021

Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan pada hari ini telah mengadakan Majlis Pelancaran Hari Hutan Antarabangsa 2021. Tema Hari Hutan Antarabangsa 2021 ialah *Forest Restoration: A Path to Recovery & Well Being*. Majlis telah diadakan di Taman Riadah Jalan Pusat Persidangan, Berakas. Hadir selaku Tetamu Kehormat pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Hari Hutan Antarabangsa, *International Day of Forests* (IDF) yang sebelum ini dikenali sebagai Hari Perhutanan Sedunia telah diterima semasa Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu Sesi ke-67. Perhimpunan ini telah mengisytiharkan 21 Mac setiap tahun, sebagai hari untuk menyambut IDF dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat umum akan kepentingan semua jenis ekosistem hutan dalam pembangunan lestari.

Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perhutanan buat pertama kalinya telah mengadakan sambutan memperingati Hari Perhutanan Sedunia ini pada 21 Mac 1983 dan ianya telah dijadikan sebagai salah satu aktiviti induk tahunan Jabatan Perhutanan dengan diikuti beberapa aktiviti sampingan. Langkah ini diambil bagi memperlihatkan kepada masyarakat dunia yang Negara Brunei Darussalam juga perihatin dan komited terhadap isu-isu yang berkaitan dengan kestabilan dan penjagaan alam sekitar.

Sambutan IDF yang diungkuh di Negara ini bukanlah semata-mata untuk menyisipkan kesedaran terhadap peranan hutan dalam kehidupan. Akan tetapi ianya memandang jauh ke hadapan agar peranan hutan itu dapat dimanfaatkan secara positif dengan mengetengahkan peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan dengan mengambil kira kesejahteraan alam sekitar tanpa menjejaskan keunggulan hutan itu sendiri.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa. Seterusnya acara diteruskan dengan acara Pelancaran Hari Hutan Antarabangsa 2021 oleh Tetamu Kehormat Majlis, Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Acara diteruskan dengan aktiviti penanaman pokok oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, diikuti dengan penanaman pokok beramai-ramai oleh jemputan yang lain. Setelah itu, acara diteruskan lagi dengan aktiviti '*brisk-walk*'.

Acara penanaman pokok sejumlah 88 anak pokok Pulaie Bukit (*Alstonia iwahigensis*), sejenis spesies pokok tempatan, ini adalah bersempena dengan penubuhan Jabatan Perhutanan yang ke lapan puluh lapan tahun, di mana sejarah penubuhannya pada Mac 1933.

Selain itu, turut hadir semasa acara tersebut ialah Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Mulia Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, duta-duta besar dan pesuruhjaya-pesuruhjaya tinggi ke Negara Brunei Darussalam, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, ketua-ketua Jabatan serta pegawai kanan dan kakitangan dari Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan Kementerian Pembangunan, syarikat-syarikat kilang papan dan pertubuhan bukan kerajaan, Green Brunei.

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Perhutanan

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

21 Mac 2021